

TARIKH	10 SEPTEMBER 2025 (RABU)	SURATKhabar	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	99.9 PERATUS PENJAWAT AWAM PILIH SSPA		
M/S	8 (NEGARA)	KATA KUNCI	PERSONNEL, WORK
BIDANG	CIVIL SERVICE		

8 NEGARA!

99.9 peratus penjawat awam pilih SSPA

- **Bukti penjawat awam sambut baik skim tersebut**
- **Hanya 1,640 orang tidak menerima**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Seramai 1,511,418 daripada 1,513,058 penjawat awam memilih untuk menerima opsyen Skim Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa berkata, keadaan itu membuktikan SSPA diterima baik oleh penjawat awam.

Katanya, sebanyak 99.9 peratus penjawat awam selesai membuat pilihan yang bermakna hanya 1,640 daripada mereka

memilih tidak menerima opsyen tersebut.

"Ini jelas menunjukkan kadar penerimaan penjawat awam terhadap SSPA amat baik pada tahap 99.9 peratus yang mewakili hampir keseluruhan penjawat awam," katanya menerusi jawapan bertulis kepada Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Tan Sri Prof. Dr. Mohamed Haniffa Abdullah mengenai sambutan dan maklum balas penjawat awam terhadap opsyen SSPA.

Dr. Zaliha berkata, sepanjang tempoh pemilihan opsyen dari 21 Oktober 2024 hingga 30 November 2024, seramai 1,388,476 penjawat awam Persekutuan dan 98,177 penjawat awam negeri melaksanakan pemilihan opsyen.

Sementara itu, katanya, ke naikan pangkat secara one-off

kepada pegawai kumpulan pengurusan dan profesional membabitkan 71 skim perkhidmatan tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Ujar beliau, kenaikan pangkat one-off dibuat mengikut syarat-syarat yang ditetapkan termasuk memenuhi tempoh minimum perkhidmatan yang melayakkannya di gred sandangan dan perkhidmatan keseluruhan.

Beliau berkata, sehingga 30 Julai lalu, JPA menerima 1,119 permohonan daripada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak untuk dipertimbangkan.

"Keputusan pemberian ini mengambil kira kepentingan semua skim perkhidmatan dan tempoh perkhidmatan yang manusabah berdasarkan pengalaman dan prestasi pegawai," tambahnya.



GAMBAR fail bertarikh 21 Oktober 2024 menunjukkan kakitangan awam kelihatan ceria ketika menandatangani borang opsyen skim SSPA di JPA, Putrajaya.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
--------------------	--